

## **Analisis Bentuk Penulisan Dan Kaedah Rujukan Karya Fiqh Melayu Klasik**

Mohd Pua'ad Abdul Malik<sup>1</sup>  
Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid<sup>2</sup>  
Rahimin Affandi Abd. Rahim<sup>3</sup>

### **ABSTRAK**

*Sejarah perkembangan penulisan karya fiqh Melayu klasik dianggap bermula pada abad ke-16. Pada peringkat awal, pola utama penulisan fiqh memfokuskan kepada kehidupan masyarakat dengan amalan ibadat khusus. Namun begitu, setelah perkara asas dipelajari dan difahami maka usaha penulisan yang lebih komprehensif dilakukan dalam bidang ibadat. Oleh itu, bentuk penulisan karya fiqh Melayu klasik perlu dirungkaikan secara lebih teliti dan mendalam. Penelitian terhadap pola, corak dan format penulisan penulisan karya fiqh Melayu perlu dikaji secara holistik dan beberapa siri jawapan konkrit perlu diketengahkan dalam meneliti kredibiliti penulisan karya fiqh Melayu klasik. Oleh itu, kajian ini akan melihat beberapa variasi penulisan fiqh dalam pelbagai bentuk dan rujukan bagi memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran. Hasilnya, dinamika dan produktiviti penulisan fiqh berkembang pada abad ke-19 dengan pelbagai format, struktur dan bentuk penulisan. Penerokaan dan pengemaskinian baru penulisan abad ke-19 membentuk pendekatan baharu penulisan karya fiqh Melayu. Secara tidak langsung, kesan dan impak penulisan abad klasik menjana corak kegiatan penulisan pada abad ke-20. Ia tersirat di sebalik penulisan rencam seperti khilafiyah, fatwa, perbandingan mazhab, pendalilan, perdebatan dan kritik. Namun, kupasan dan perbincangan yang mendalam hanya dalam aspek ibadat khusus menyentuh kupasan tatacara bersuci, solat, puasa, zakat, haji dan umrah, akikah dan korban serta sembelihan. Justeru, pelbagai pendekatan penulisan karya fiqh Melayu klasik berjaya mempengaruhi karakter masyarakat Melayu yang seragam dimana majoriti pemikiran fuqaha Melayu didominasi oleh doktrin Mazhab Syafie.*

**Kata Kunci:** *Islam, Karya fiqh Melayu, Klasik, Penulisan*

---

<sup>1</sup> Pensyarah, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Instituti Pendidikan Guru Kampus Bahasa Antarabangsa Lembah Pantai, Kuala Lumpur  
<sup>2</sup> Pensyarah kanan, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur. E-mail faisal@um.edu.my  
<sup>3</sup> Pensyarah kanan, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur. E-mail faqir\_ila\_rabbih@um.edu.my

## PENDAHULUAN

Penulisan fiqh merupakan kodifikasi<sup>4</sup> kesungguhan memahami kandungan dan penjelasan hukum dalam ayat-ayat al-Quran secara mendalam. Usaha ini telah dilakukan sejak zaman Rasulullah SAW dilantik menjadi utusan Allah. Semenjak kewafatan baginda SAW sehinggalah hari ini, eksplorasi penulisan fiqh telah melalui perkembangan yang bervariasi dengan pelbagai tuntutan perubahan waktu dan zaman. Menurut catatan sejarah, penulisan karya fiqh Melayu mula ditulis pada abad ke-17. Ia dirintis oleh Syeikh Nuruddin al-Raniri dalam karya berjudul *Sirat al-Mustaqim*.

Kegiatan penulisan karya fiqh Melayu berkembang peringkat demi peringkat pada abad ke-18 seterusnya berkembang secara produktif pada abad ke-19.<sup>5</sup> Malah, perkembangan penulisan disokong oleh beberapa faktor sampingan seperti latar belakang persekitaran, latar masa, lokasi, situasi, keadaan sosio-politik setempat, budaya dan pengalaman hidup pengarang. Hasilnya, ia membentuk pelbagai format dan struktur penulisan. Secara tidak langsung, senario ini membina proses perkembangan penulisan karya fiqh Melayu zaman berzaman. Ia sesuatu yang positif di era kegiatan penulisan dilihat statik dengan cengkaman budaya taklid membelenggu pemikiran intelektual Melayu.<sup>6</sup>

## METODOLOGI KAJIAN

Dalam menyempurnakan kajian, metodologi kajian menggunakan pendekatan kajian reka bentuk kualitatif.<sup>7</sup> Data diproses secara kualitatif mengikut tema khusus berdasarkan ilmu sejarah dan dikemukakan secara deskriptif melalui pendekatan dua metode utama iaitu metode pengumpulan data metode analisis data. Metode pengumpulan data adalah proses pengumpulan data, pengkaji menggunakan metode-metode yang dibahagikan kepada dua pendekatan kajian iaitu metode kepustakaan juga dikenali sebagai ulasan kepustakaan, kajian literatur, tinjauan literatur ataupun sorotan literatur.

Definisi kajian kepustakaan, membuat rujukan secara kritikal dan sistematik terhadap dokumen yang mengandungi maklumat, idea dan data dengan tajuk yang dikaji. Rasionalnya, maklumat sebagai panduan kepada pengkaji memahami apa yang perlu dikaji, data yang perlu dikumpul dan jenis analisis yang perlu digunakan. Manakala, bahan-bahan kajian diperolehi dari Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia, Arkib Negara Malaysia, Khazanah Fathaniyah, Perpustakaan Awam Islam, Dewan Bahasa dan Pustaka, Perpustakaan Pusat Pengajian Tinggi Awam dan Swasta. Pencarian juga dilakukan di laman-lama web yang berautoriti seperti repositori universiti Lieden, British Library,

---

<sup>4</sup> Kegiatan sebagai satu usaha atau proses mengumpulkan hasil dan menyusun pelbagai maklumat penulisan; Kamus Dewan, ed. ke 4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), 802 entri kodifikasi.

<sup>5</sup> Muhammad bin Abu Bakar, "Sayid Abdul Rahman bin Muhammad al-Idrus (Tokku Paloh)" dalam *Islam di Malaysia* ed. Jazamuddin Baharuddin (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, t.t).

<sup>6</sup> Era kejatuhan Baghdad pada pertengahan abad ke-7 memperlihatkan kegiatan intelektual makin berkurangan dan peradaban mula melalui zaman kemerosotan. Maka, lahir kejumudan dan aliran mazhabiyah dalam pemikiran hukum. Citra Islam berkembang ke Alam Melayu membawa sifat jumud dan taqlid dalam pemikiran. Dalam tempoh yang panjang fiqh Islam yang diamalkan adalah warisan daripada era kegemilangan Islam silam; lihat Abdul Rahman Abdullah, *Pemikiran Umat Islam di Nusantara: Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad Ke-19* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), 119.

<sup>7</sup> Penyelidikan kualitatif adalah penemuan yang tidak dapat dicapai dengan menggunakan prosedur statistik atau dengan cara kuantifikasi. Kaedah penyelidikan digunakan untuk meneliti kehidupan masyarakat, sejarah, tingkah laku, fungsionalisasi organisasi, pergerakan sosial atau hubungan kekerabatan; Lexy J. Moleong, *Metodologi Penelitian Kualitatif* (Bandung: Karya Cv, 1993), 1-3; Basrowi Sukidin, *Metode Penelitian Kualitatif Perseptif Mikro*, (Surabaya: Insan Cendakia, 2002), 1.

London dan repositori Universiti Um al-Qurra Mekah. Pemerolehan karya-karya fiqh Melayu klasik juga dilakukan di beberapa lokasi penyimpanan manuskrip Melayu seperti di Muzium Negara dan repositori Muzium Aceh. Usaha pengesanan karya fiqh Melayu dijalankan menerusi kaedah kepustakaan.

Sementara itu, metode analisis dokumen merupakan analisis berdasarkan kajian perpustakaan. Metode analisis dokumen digunakan pada hampir keseluruhan sampel kajian. Bagi tujuan analisis dan rujukan karya fiqh Melayu, sebanyak 22 karya fiqh Melayu klasik dikumpulkan dalam bentuk manuskrip dan cetakan dan dibahagikan kepada dua sumber. Pertama, sumber premier seperti karya manuskrip fiqh Melayu abad ke-17, karya manuskrip fiqh Melayu abad ke-18 dan karya manuskrip dan cetakan fiqh Melayu abad ke-19.

Begitu juga, pengesanan juga dilakukan melalui rekod sejarah Melayu, fragmen dan karya fiqh Melayu pada tahun dan abad yang dikaji. Kedua, sumber sekunder seperti penulisan ilmiah seperti buku, tesis, disertasi, artikel jurnal, kitab, rencana, kertas kerja dan maklumat individu terhadap subjek kajian. Setelah memperolehi data-data yang mencukupi dengan mengaplikasikan metode pengumpulan data, pengkaji menganalisis secara terarah maklumat tersebut dengan metode analisis kandungan.

Metode analisis kandungan diaplikasikan dalam penelitian karya fiqh Melayu dengan merujuk kepada karya fiqh Melayu versi penulisan karya manuskrip dan edisi cetakan. Kesemua bahan tersebut dianalisis melalui induksi sejarah intelektual dan tipologi penulisan.

## **BENTUK PENULISAN DAN RUJUKAN KARYA FIQH MELAYU KLASIK**

Karya penulisan fiqh Melayu memainkan peranan signifikan dalam perkembangan disiplin keilmuan Islam di Alam Melayu. Hasil penulisan, kita dapat memahami pendekatan penulisan dan gagasan pemikiran fuqaha Melayu pada tiga abad awal.<sup>8</sup> Ia merangkumi pendekatan penulisan, rujukan, struktur, metode, gaya, bahasa dan manhaj penulisan. Hasil penelitian, dalam perkembangan penulisan karya fiqh Melayu terdapat dua gambaran awal yang boleh dinyatakan. Pertama, penulisan karya fiqh dalam bentuk karya terjemahan dari karya asal bahasa Arab kemudian berbentuk saringan sehinggalah kepada penghasilan karya.<sup>9</sup> Kedua, karya fiqh yang digunakan pada peringkat awal penulisan. Penggunaannya digunakan secara meluas dalam proses pengajaran dan pembelajaran ilmu di Alam Melayu. Ini kerana, pada abad awal wujud keterbatasan masyarakat Melayu untuk mendapatkan karya-karya bercetak.<sup>10</sup> Oleh itu, landskap kegiatan penulisan ilmu membina kefahaman pengamalan ibadat, legasi pemikiran intelektual dan sosiologi hukum.<sup>11</sup> Hasilnya, tradisi perkembangan penulisan karya fiqh Melayu memberi kesan dan impak besar dalam kehidupan masyarakat Melayu.

Kebanyakan bentuk penulisan karya fiqh Melayu juga terkesan dengan bentuk penulisan fuqaha Mazhab Syafie. Maksud bentuk penulisan, subjek yang hanya ditulis tanpa ada perbincangan khusus dan komprehensif. Rasional artikel ini ditulis untuk membentangkan bentuk penulisan bagi mengenal pasti pola dan kepelbagaian bentuk penulisan seperti fiqh, usul fiqh, *qias*, *'uruf*, sejarah, akidah, sirah, tafsir. Begitu juga, dalam pendekatan kepelbagaian kaedah penyataan sumber rujukan yang selari dengan konteks

<sup>8</sup> Tiga abad awal perkembangan karya fiqh Melayu, abad ke-17, 18 dan ke-19.

<sup>9</sup> Fauzi bin Deraman dan Norhasnira bt Ibrahim, "Metodologi Tuan Tabal dalam Kitab Minhah al-Qarib," *Jurnal Jaheaik* vol. 2 (2009), 135.

<sup>10</sup> Rahim Abdullah, "Pelajaran Pondok di Kelantan" dalam *Beberapa Aspek Warisan Kelantan II* ed. Khoo Kay Kim (Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri, 1983), 3.

<sup>11</sup> Muhammad Mustaqim Mohd Zarif, "MSS2761B (Hadith Arba'in): Analisis dan Transliterasi Sebuah Teks Hadis Abad Ke-17 Masihi," *Jurnal Filologi Melayu*, jilid 19 (2012), 9-10.

penulisan yang mempunyai ciri saduran dan terjemahan. Ia juga platform menilai kepelbagaian maklumat berkaitan penulisan dan terjemahan teks mengikut pendekatan penulisan fiqh Melayu.

Bentuk penulisan membuktikan pemikiran fuqaha Melayu menjadi pengukur bagi mengenal pasti intipati idealisme bersifat kekal, terkehadapan dan mendahului zamannya. Selain mempunyai paradigma keilmuan yang tinggi dalam pemikiran hukum, fuqaha Melayu kekal konsisten berinteraksi dengan nas dalam mana-mana situasi melibatkan persoalan hukum Islam. Oleh itu, bentuk penulisan dan kaedah pernyataan rujukan dibentangkan bagi mendekati pelbagai aspek penulisan. Oleh itu, terdapat beberapa pendekatan penulisan karya fiqh Melayu dan kaedah pernyataan rujukan. Antara bentuk penulisan karya fiqh Melayu :

***Penulisan Menunjukkan Syarat Mufti:***

“...maka disyaratkan bagi mufti itu bahawa dia alim pada fiqh dan usulnya dan furuknya dan khilafnya dan mazhabnya dan qawaidnya dan kata dhabitnya...dan diketahui rawi hadis dan kuatnya dan dhaifnya dan diketahui bagi tafsir al-Quran...”<sup>12</sup>

Penulisan intelektual karya fiqh Melayu menunjukkan kriteria syarat mufti<sup>13</sup> ditinjau menerusi teks syarat kelayakan yang telah ditetapkan oleh fuqaha Melayu terma utama untuk menjadi mufti. Meskipun, penulisan secara umum namun ia menyerlahkan penulisan intelektual karya fiqh Melayu.

***Penulisan menunjukkan syarat ijtihad***

“...setengah daripada alat ijtihad itu mengetahui lughah arab kerana nabi kita orang arab maka hendaklah diketahui oleh qadi itu bahasa Arab supaya dikenalkan lafaz yang umumnya dan khusus maka adalah jalan ijtihad itu pihak yang kuat riwayat hadis dan dhaifnya...”<sup>14</sup>

“...maka ijtihad segala ulama menentu akan dia dengan dalil itu yang lain atau dengan qarinah yang membawa akan wajib atau kepada sunat atau kepada harus atau kepada makruh atau kepada haram dan mengetahui fa’ala nabi SAW dan ijmak segala ulama dan qias dan istishab yakni asal kejadian suatu pada hukum...”<sup>15</sup>

Dalam penulisan karya fiqh Melayu terdapat penulisan yang menunjukkan syarat berijtihad. Meskipun ringkas tetapi masih tetap relevan mengikut zamannya. Secara dasarnya tidak terdapat huraian dan perbincangan mengenai ijtihad bahkan kecenderungan pengarang karya fiqh Melayu untuk berijtihad dalam penulisan. Namun, penulisan secara umum berkaitan ijtihad menunjukkan wujudnya bibit-bibit awal penulisan hukum. Kebanyakkan karya fiqh Melayu abad awal mempunyai kandungan khusus kepada karya terjemahan daripada kitab fiqh tulisan fuqaha Mazhab Syafie (*al-Shafi’eyyah*) dari bahasa Arab ke bahasa Melayu

<sup>12</sup> *Safinah al-Hukam fi Talkhish al-Khisham* MSS 3534,” 7.

<sup>13</sup> Mufti merupakan seorang mujtahid yang mampu mengistinbat hukum-hukum syarak daripada sumber ambilannya dengan menepati kaedah-kaedah berijtihad yang telah ditetapkan; lihat Syeikh Abū ‘Amr ‘Uthmān ibn ‘Abdul Raḥmān Ṣalāḥ al-Dīn al-Kurdī al-Shahrazūrī, *Adab al-Mufti wa al-Mustafti* (Maktabah Ulum wa al-Hukm, cet. 1, 1986, t.tp).

<sup>14</sup> *Hujah al-Balighah ‘ala Jama’ah al-Mukhasamah* MSS 3575,” 5-6.

<sup>15</sup> *Safinah al-Hukam fi Talkhish al-Khisham* MSS 3534,” 7.

dengan menyalin semula, bersifat saduran dan tidak konsisten. Boleh dikatakan tiada kecenderungan ijtihad dalam penulisan karya fiqh Melayu. Begitu juga, tiada penulisan khusus ilmu usul fiqh dalam karya fiqh Melayu abad ke-17 dan 18.

Ironinya, penulisan karya fiqh Melayu mustahil dapat ditulis dan dihasilkan tanpa pengetahuan mendalam terhadap ilmu usul fiqh. Persoalan ini penting untuk diketahui kerana ilmu usul fiqh merupakan ilmu intelektual umat Islam<sup>16</sup> dan subjek penting dalam pengajian syariah.<sup>17</sup> Inti pati kandungannya membahaskan kaedah komprehensif dalam pengamalan ijtihad.<sup>18</sup> Para mujtahid menggunakannya sebagai mekanisme *istinbat* hukum Islam.<sup>19</sup> Dalam erti kata ilmu usul fiqh berperanan menyediakan asas kepada pembinaan hukum Islam.<sup>20</sup> Namun begitu, pada abad ke-19 menyaksikan terdapat kecenderungan dan usaha ijtihad dalam penulisan bercorak fatwa dan hukum Islam. Penulisan fatwa dan usul dirintis oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani dalam karya *al-Fatawa al-Fataniyyah*.<sup>21</sup> Menurut Wan Mohd. Shaghir karya usul fiqh yang pertama ditulis di Alam Melayu ialah karya *Fath al-Manan*<sup>22</sup> ditulis oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani. Dalam catatan pengantar penulisan Syeikh Daud telah mencatatkan beberapa kaedah penulisan usul fiqh. Beliau menekankan untuk berhukum dengan dalil-dalil yang *qat'ie* dalam pengambilan hukum Islam.<sup>23</sup> Hasil penelitian, masih terdapat penulisan ringkas usul fiqh dalam karya fiqh Melayu. Ia merangkumi tulisan ilmu *qias*, ijmak, masalah, syarat berfatwa, kaedah fiqh dan penghujahan al-Sunnah.<sup>24</sup> Meskipun penulisannya ringkas namun kekal relevan mengikut konteks zamannya. Terdapat andaian apa yang dinyatakan oleh Wan Mohd. Shaghir adalah kaedah penulisan usul fiqh yang pertama ditulis di Alam Melayu. Ia merangkumi corak penulisan klasik usul fiqh<sup>25</sup> yang dapat dikesan dalam penulisan. Begitu juga paparan istilah-istilah pendek yang mewakili corak penulisan klasik dengan pendekatan perkataan, istilah dan gaya bahasa dalam ilmu usul fiqh. Hasil penelitian, tiada perbincangan dan kupasan secara khusus dan komprehensif perbincangan ilmu usul fiqh dalam penulisan karya *Fath al-Manan*.

---

<sup>16</sup> Abdul Basith Junaidy, "Revitalisasi Usul Fiqh Dalam Menghadapi Perubahan Sosial," *Islamika* Vol. 3, No. 2 (2009), 43.

<sup>17</sup> Irwan Mohd Subri, "Penggunaan Masalah Dalam Pembelajaran Subjek Usul Fiqh: Satu Kajian Di Universiti Sains Islam Malaysia," *Jurnal Syariah*, 15:1 (2007), 96.

<sup>18</sup> Noor Naemah Abdul Rahman, "Pengajaran Kursus Usul Al-Fiqh Peringkat Ijazah Dasar Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya: Pengalaman Dan Penilaian," *Jurnal Syariah* 14:1 (2006), 143.

<sup>19</sup> Irwan Mohd Subri, "*Penggunaan Masalah*," 96.

<sup>20</sup> Mohd Daud Bakar, "*Usul Al-Fiqh Sebagai Kaedah Penyelidikan Dalam Pengajian Syariah*" Dalam *Dinamisme Pengajian Syariah* Ed. Mahmood Zuhdi Ab. Majid Et Al. (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2001), 37.

<sup>21</sup> *Fatwa Fataniyyah* (Patani: Matba'ah Patani Press, 1377 H).

<sup>22</sup> Wan Mohd Shaghir, *Penutup Perdebatan Islam Alaf Kedua di Dunia Melayu* (Kuala Lumpur: Khazanah Fataniyyah, 2010), 136; *Fath al-Manan* MSS 121, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur; *Fath al-Manan* MSS 233, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.

<sup>23</sup> *ادلة القطعية*; ووقفهم احكام اصول الدينية بالبناء على ادلة القطعية<sup>23</sup>; lihat *Fath al-Manan* MSS 21, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.

<sup>24</sup> *Hujjah al-Balighah 'ala Jama'ah al-Mukhasamah* MSS 3575, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur, 5-6; *Hujjah al-Balighah 'ala Jama'ah al-Mukhasamah* MSS 3575, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur, 6; Muhammad bin Ismail Daud al-Patani, *Kitab al-Bahr al-Wafi wa al-Nahr al-Safi* (Jeddah: Matba'ah al-Sharqiyyah, cet.1, 1931), 170; *Mir'ah al-Tullab fi Tashil Ma'rifah Ahkam al-Shari'ah li Mulk al-Wahhab* MSS 2674, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur, 225; *Nahj al-Raghibin* MSS 332, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.

<sup>25</sup> Contoh penulisan kitab usul fiqh Arab klasik antaranya, al-Shirazi, Abu Ishaq Ibrahim bin 'Ali Yusuf, *al-Luma' fi Usul al-Fiqh* (Dimashq: Dar al-Kalim al-Taiyyib, 1995); al-Qadi 'Abd Allah bin 'Umar al-Baydawi, *Minhaj al-Wusul ila 'Ilm al-Usul* (Beirut: Mu'assasah al-Risalah Nashirun, 2006).

Perkembangan penulisan karya fiqh Melayu akhirnya membentuk pola penulisan intelektual dan hukum merujuk kepada ilmu usul. Usaha ini dapat dilihat dalam perkembangan penulisan fiqh yang berkembang pada abad ke-20. Terdapat elemen dan unsur penulisan ilmu usul fiqh dalam karya tulisan fiqh Melayu.<sup>26</sup> Perbincangan yang dilontarkan bukan bermaksud ulama Melayu tidak mampu menulis karya-karya bermutu seperti karya usul fiqh pada abad awal penulisan fiqh. Pemahaman dan penulisan ilmu fiqh yang ditulis oleh fuqaha Melayu silam mustahil dapat disebar luaskan tanpa memahami subjek usul fiqh secara holistik.

Pemikiran usul dilontarkan dalam tulisan fiqh yang diterjemahkan ke dalam karya-karya fiqh Melayu. Justeru, pemikiran dan pengetahuan usul fiqh memang telah diketahui oleh fuqaha Melayu ketika itu walaupun tidak disusun dan dibukukan.<sup>27</sup> Hasil pemerhatian, antara kesan hasil penulisan karya fiqh Melayu, terdapat pendekatan penulisan *Maqasid al-Shari'ah* dalam penulisan abad ke-20. Ini merupakan kesan secara tidak langsung pendekatan yang dilontarkan dalam penulisan fiqh Melayu klasik.<sup>28</sup> Hasil penulisan, pengarang menyatakan kepentingan yang lebih layak (untuk kemaslahatan). Kepentingan mengekang kesulitan besar (*Haraj al-'Azim*) yang akan berlaku kerana kesulitan yang dinafikan oleh nas syarak dan *fiqhiyyah* membawa kepada kesulitan dan keresahan kepada masyarakat umum<sup>29</sup>

“...dan inilah yang terlebih layak dengan Mahasin al-Shari'ah firman Allah Ta'ala...”<sup>30</sup>

Ada kemungkinan, kalimah *mahasin al-Shari'ah* merujuk kepada *maqasid al-Shari'ah*. Ini kerana, dalam struktur ayat berikutnya pengarang menyatakan Allah tidak menjadikan kamu sulit dan menyusahkan dalam agama-Nya.<sup>31</sup> Ia objektif (*maqasid*) utama syarak diturunkan oleh Allah. Terdapat banyak nas-nas al-Quran menjelaskan Allah menyuruh hamba-Nya berada dalam keadaan mudah dan tidak sesekali menghendaki hamba-Nya berada dalam kesulitan.<sup>32</sup> Bahkan, dalam kaedah fiqh menegaskan keberadaan dan objektif syariat Islam menyeru kepada perkara yang mudah dan tidak menyusahkan umatnya.<sup>33</sup> Oleh itu, kaedah fiqh dijadikan rujukan dan panduan umat Islam bagi menyelesaikan persoalan hukum Islam semasa yang muncul dalam masyarakat.<sup>34</sup> Dalam

<sup>26</sup> Terdapat perbincangan berkaitan hukum yang merujuk kepada perbincangan ilmu usul seperti dalam karya Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin dalam kitab *Ta'yid Tadhkirah Muttabi' al-Sunnah fi al-Rad 'Ala al-Qa'il bi Sunniyyah Rak'atayn Qabl al-Jum'ah*; Surat Persendirian Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin, *Ta'yid Tadhkirah Muttabi' al-Sunnah fi al-Rad 'Ala al-Qa'il bi Sunniyyah Rak'atayn Qabl al-Jum'ah*, No Ruj: 2006/0036134 (1953), Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur; karya *Bahr al-Madhi*. Meskipun penulisan dikenali sebagai karya hadis namun terdapat penulisan ilmu fiqh dan usul dicatatkan; Syeikh Muhammad Idris bin Abdul Rauf al-Marbawi, *Bahr al-Madhi* (Mesir: Matba'ah Mustafa al-Halabi, 1933); Faisal Ahmad Shah, “Metodologi penulisan Mohamed Idris al-Marbawi dalam *Bahr al-Madhi*” (tesis Kedoktoran, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2007).

<sup>27</sup> Rahimin Affandi Abd. Rahim, “Pengamalan Ilmu Usul al-Fiqh di dalam Sastera Undang-Undang Melayu: Satu Analisis,” dalam *Kesusasteraan dan Undang-Undang* ed. Mohamad Mokhtar Hassan et al. (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 2003), 158-165.

<sup>28</sup> Jalal al-Din 'Abd al-Rahman Abi Bakr al-Suyuti, *al-Ashbah wa al-Naza'ir fi Qawaid wa Furu' Fiqh al-Shafi'eyyah* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1998).

<sup>29</sup> Mohamad Khairul Anwar Osman et al., *Konsep Raf'u al-Haraj wa al-Mashaqqah dan Permasalahan al-Tasahul* (Kuala Lumpur: Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Melaka, 2004), 80.

<sup>30</sup> Muhammd bin Ismail Daud al-Patani, *Kitab al-Bahr al-Wafi wa al-Nahr al-Safi*, cet.1 (Jeddah: Matba'ah al-Sharqiyyah, 1931), 170.

<sup>31</sup> al-Quran, 2:4 وما جعل عليكم في الدين من الحرج

<sup>32</sup> al-Quran, 2:185

<sup>33</sup> Abdul Aziz Mohd Azam, *al-Qawa'id al-Fiqhiyyah* (Ain al-Shams: Maktabah al-Risalah ad-Dawliyyah, 1999), 22.

<sup>34</sup> Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Sobri Ellias, “Aspek-Aspek Pemikiran Kritis dalam al-Qawa'id al-Fiqhiyyah,” *Jurnal Syariah* no. 18, bil. 3, (2010), 528.

objektif syarak, merujuk kepada petikan penulisan fuqaha Melayu Syeikh Tahir Jalaluddin pada awal abad ke-20. Beliau menegaskan sesuatu perkara yang membawa kepada kesulitan atau kesusahan atau kesulitan (*Haraj al- 'Azim*) dinafikan oleh syariat Islam<sup>35</sup> secara total.<sup>36</sup>

### ***Penulisan menukulkan asas ilmu usul fiqh***

“...maka adalah setengah daripada hukum al-Quran dan hadis itu adakalanya am dan adakalanya khusus dan adakalanya mutlak dan muqayyad dan adakalanya mujmal dan mufassal dan adakalanya nas dan zahir dan adakalanya nasakh dan mansuh...”<sup>37</sup>

“...barang yang diturunkan atas kami furqan yakni quran dan sunnah iaitu hadis Nabi SAW dan ijmak ulama dan beberapa hukum yang dibahas hukum syarak...”<sup>38</sup>

Penulisan berbentuk *am, khusus, mutlak, muqayyad, mujmal, mufassal, nas, zahir, nasakh* dan *mansukh* adalah perbincangan asas dalam ilmu usul.<sup>39</sup> Pada peringkat awal perkembangan penulisan karya fiqh Melayu, kepentingan ilmu sebagai petunjuk hukum sangat kurang disedari oleh masyarakat Islam Alam Melayu. Pada awal proses Islamisasi rantau Alam Melayu penekanan terhadap penulisan subjek usul fiqh belum jelas, ringkas dan tidak begitu ditekankan. Tidak terdapat karya penulisan dalam bidang usul fiqh yang berada dalam senarai karya penulisan fiqh Melayu yang dipelajari ketika itu. Boleh dikatakan semua karya yang ditulis adalah berkaitan fiqh ibadat dan *fiqh al-furu'*. Oleh itu, tidak terdapat karya usul fiqh secara aslinya dihasilkan oleh fuqaha Melayu pada abad awal perkembangan intelektual Melayu. Kebanyakannya lebih merupakan karya fiqh dalam pelbagai bidang keilmuan rata-ratanya lebih berasaskan kepada terjemahan, saduran dan cedukan terus daripada karya Timur Tengah yang kuat terpengaruh dengan elemen taklid.<sup>40</sup>

### ***Penulisan menukulkan qias***

“...daripada hukum qias itu adakalanya terasing...”

“...dan adakalanya qias itu bersamaan...”

“...dan adakalanya qias itu kurang seperti diqiaskan buat tuffah dengan gandum...”<sup>41</sup>

“...hukumnya darurat jikalau ada ia menyalahi qias sekalipun...”<sup>42</sup>

Qias adalah menyamakan masalah yang tidak terdapat hukumnya dalam nas dengan masalah yang dinyatakan hukumnya dalam nas kerana terdapat persamaan antara kombinasi sesuatu

<sup>35</sup> Muhammad Tahir Jalaluddin, “*Ta'yid Tadakhirah*, 27.

<sup>36</sup> *Ibid.*, 16.

<sup>37</sup> *Hujah al-Balighah 'ala Jama'ah al-Mukhasamah* MSS 3575,” 6.

<sup>38</sup> *Jawahir al-Saniyyah fi Syarh al-Aqa'id al-'Aliyyah wa Ahkam al-Fiqh al-Mardiyyah wa Tariq al-Suluk al-Muhammadiyah* MSS 127.”

<sup>39</sup> Lihat al-Imam Abu Hamid al-Ghazali, *al-Mustafa min 'Ilmi al-Usul* (Lubnan: Dar al-Kutub Muhammad Umar, 2008); lihat Amin al-Jarumi, *Usul fiqh Prinsip-Prinsip Perundangan Islam* (Shah Alam: Pusat Penerbitan Univesiti, 2010).

<sup>40</sup> M.B. Hooker, “The Translation Of Islam Into South-East Asia,” dalam *Readings On Islam In Southeast Asia* (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1985), 11.

<sup>41</sup> *Hujah al-Balighah 'ala Jama'ah al-Mukhasamah* MSS 3575,” 7.

<sup>42</sup> *Hujah al-Balighah 'ala Jama'ah al-Mukhasamah* MSS 4077,” 8.

hukum dibuat (*'illah al-hukm*).<sup>43</sup> Majoriti ulama berpendapat metode qias boleh diterima pakai dan dijadikan hujah dalam menentukan sesuatu hukum berdasarkan kepada beberapa dalil, antaranya al-Quran, hadis dan perbuatan atau tindakan para sahabat baginda SAW. Penulisan qias dalam karya penulisan fiqh Melayu dikesan tanpa huraian yang komprehensif. Ia hanya sekadar ditulis bagi maklumat awal proses penjanaian ilmu pengetahuan secara umum. Meskipun begitu, ia membuktikan wujud kerangka pemikiran fuqaha Melayu tentang ilmu usul walaupun tidak ditulis secara konsisten.

### ***Penulisan menukilkan kaedah fiqhiyyah***

Antara unsur perbincangan yang dilontarkan dalam penulisan karya fiqh Melayu wujudnya asas penulisan kaedah fiqhiyyah.<sup>44</sup> Dalam perbincangan kandungan penulisan menyatakan :

“...dan lagi pula *iza daqa al-Amr ittasa'* ertinya apabila pejaklah (sempit) pekerjaan nescaya diluaskan akan dia...”<sup>45</sup>

Kaedah fiqh merupakan sesuatu yang sinonim dalam hukum Islam kerana fiqh merupakan landasan kepada *'ibādah* dan *mu`āmalah*. Ia merupakan elemen penting dalam sistem pembinaan hukum Islam. Penguasaan terhadap makna sebenar sesuatu istilah merupakan kunci kepada penguasaan keseluruhan ilmu. Tanpa penguasaan terhadap makna yang sebenar bagi setiap istilah tidak memungkinkan untuk memahami nas-nas syarak.<sup>46</sup>

Dalam penulisan kaedah *fiqhiyyah* pemikiran pengarang karya fiqh Melayu dilihat maju ke hadapan. Maksud maju ke hadapan, mereka mampu berfikir dan melontarkan idea untuk kepentingan agama dan masyarakat melangkaui zamannya. Pemikiran mereka mengatasi pola pemikiran masyarakat pada masa itu. Selain itu, terdapat unsur-unsur kebahasaan, sama ada uslubnya (gaya bahasa)<sup>47</sup> atau tarkibnya (susunan ayat)<sup>48</sup> yang berkait dengan metode penulisan klasik fiqh dan usul. Selain itu, istilah-istilah penulisan perkataan yang boleh dikaitkan dengan istilah fiqh dan usul yang menyerupai corak penulisan dalam kitab fiqh dan usul Arab klasik.<sup>49</sup> Kedua-dua ilmu mempunyai kaitan dan hubungan yang rapat serta saling lengkap-melengkapi dengan kefahaman dalam menentukan corak fiqh.<sup>50</sup>

<sup>43</sup> Wan Zulkifli Wan Hassan, “Nilai-Nilai Fleksibiliti dalam Sumber Perundangan Islam,” *Malim bil.* 10, (2009), 63.

<sup>44</sup> Kaedah fiqh merupakan rangkuman prinsip yang diperakui oleh syarak. Ia telah digubal oleh para ulama untuk memudahkan proses merujuk sesuatu permasalahan fiqh dalam prinsip syarak. Ia juga tidak dianggap sebagai dalil syarak yang menentukan hukum sebaliknya satu rumusan perundangan teliti terhadap hukum fiqh yang variatif. Ia juga memudahkan seseorang untuk mengingati, meneliti dan menguasai hukum fiqh.; Abu Ghuddah Abdul Sattar, *Buhus Fi al-Fiqh al-Tibb Wa al-Sihhat al-Nafsiyyah Min al-Manzur Islamiyy* (Beirut: Dar al-Aqsa, 1992), 129.

<sup>45</sup> *Mir'ah al-Tullab fi Tashil al-Ma'rifah al-Ahkam wa al-Syari'ah li al-Mulk al-Wahhab* MSS 2674, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur, 225.

<sup>46</sup> Qutb Muṣṭafā Sanu, *Mu`jam Muṣṭalahāt 'Usūl al-Fiqh*, (Damshiq: Dar al-Fikr, 2000), 9.

<sup>47</sup> Bukan dinamakan sahabat atas qaul yang Masyhur; *Fath al-Manan*, MSS 21, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur, 7.

<sup>48</sup> Kata qil pada setiap majlis dan qil pada setiap doa; *Fath al-Manan*, MSS 21, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur, 7.

<sup>49</sup> Pendekatan perkataan, tatabahasa, istilah dan gaya bahasa fiqh dalam Maryam Mohd Saleh Zafiri, *Mustalahat al-Madhhab al-Fiqhiyyah wa Asrar al-Fiqh al-Marmuz fi al-'Ilam wa al-Kutub wa al-Ara' wa al-Tarjihah* (Beirut: Dar Ibn Hazm, 2002), 221-255.

<sup>50</sup> Mahmood Zuhdi Ab. Majid, *Fiqh Malaysia: Konsep dan Cabaran*, dalam *Fiqh Malaysia ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan yang Terkini* ed. Paizah Hj. Ismail et. al., (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malays, 2000), 4.



Bahkan fiqh merupakan produk usul al-fiqh yang merupakan alat yang menyediakan pelbagai kaedah dan sistem penentuan hukum berdasarkan dalil-dalil naqli mahupun 'aqli.<sup>51</sup>

### **PENULISAN SUNNAH SUMBER UTAMA PENGAMBILAN HUKUM**

Dalam berhadapan sesuatu perbincangan, fiqh al-Sunnah dijadikan sumber pengambilan hukum<sup>52</sup> dan rujukan menanggapi persoalan hukum. Dalam perkembangan penulisan karya fiqh Melayu wujud penulisan tentang sunah. Penulisan mengisyaratkan perlunya berpegang kepada kehujahan al-Sunnah:

“...al-Sunnah itu sebagai penghukum (hakimah) dan bukannya yang dihukumkan padanya (mahkamah)..”<sup>53</sup>

Berdasarkan teks, jelas menyatakan al-Sunnah sebagai penghukum dan pentafsir terhadap maksud yang terkandung dalam ayat-ayat al-Quran. Ia berperanan sebagai sumber yang memperincikan penjelasan yang termaktub dalam al-Quran serta bertindak sebagai pengukuh terhadap kebenaran ajarannya.<sup>54</sup> Dengan kata lain, kedudukan al-Sunnah selepas al-Quran dalam sumber pengambilan hukum.<sup>55</sup>

#### ***Penulisan berkaitan hadis mutawattir***

Penulisan karya fiqh fuqaha Melayu lebih kritikal dengan menampilkan perbincangan penghujahan dan pembahagian hadis dalam ilmu mustalah hadis. Ia adalah sumber kedua hukum dalam kerangka disiplin ilmu Islam.<sup>56</sup>

“...dan setengah daripada hukum hadis mutawattir dan ketiadaan mutawattir (tidak mutawattir) dan sanad yakni disandarkan kepada dua riwayat kepada seorang...”<sup>57</sup>

Penulisan ilmu mustalah hadis memberikan kesan baik kepada masyarakat Melayu. Hal yang menarik perhatian kerana pengaruh baik maka karya yang disusun dan ditulis sesuai untuk diterapkan dan diguna pakai umat Islam dari masa ke semasa. Dalam memilih dan memetik ilmu hadis yang dimuatkan dalam karya fiqh Melayu keutamaan kepada hadis yang maqbul yang dirujuk daripada sumber-sumber rujukan yang muktabar. Ia memberi petunjuk bahawa dalil dan penghujahan pelbagai aspek agama perlulah disokong oleh sumber yang berkredibiliti dan bukannya diambil secara rambang.

#### ***Penulisan berkaitan hadis yang maudu'***

<sup>51</sup> Nazar Bakry, *Fiqh dan Ushul Fiqh* (Jakarta: Rajawali Pers, 1993), 23.

<sup>52</sup> Lihat Abdul Kadir Muhammad, “Sejarah Penulisan,” 88.

<sup>53</sup> *Mir'ah al-Tullab fi Tashil Ma'rifah Ahkam al-Shari'ah li Mulk al-Wahhab* MSS 2674,; كون السنة حاكمة وليست محكومة

<sup>54</sup> Aminudin Basir et.al., “*Konsep al-Sunnah*,” 1.

<sup>55</sup> Sobhi Rajab Mahmassani, *Falsafah Perundangan Islam* terj. Mufliha Wijayati (Kuala Lumpur: al-Hidayah Publications, 2009), 133.

<sup>56</sup> A I-Imam Abu 'Amru 'Uthman bin 'Abd al-Rahman al-Sharazuri, *Ulum al-Hadith li Ibn Salah* (Beirut: Dar al-Fikr, t.t).

<sup>57</sup> *Hujah al-Balighah 'ala Jama'ah al-Mukhasamah* MSS 3575,” 6.

“...dan sabda Nabi SAW barangsiapa tiada guru baginya maka syaitanlah gurunya...”<sup>58</sup>

### ***Penulisan beramal dengan hadis da’if***

“...hadis ini jikalau da’if sekalipun diamalkan pada fada’il...”<sup>59</sup>

Penulisan ilmu mustalah hadith berkaitan ilmu pengetahuan yang membicarakan tentang cara-cara persambungan hadis sampai kepada Rasulullah SAW dari segi hal ehwal para perawinya yang menyangkut kedabitan dan keadilannya dari bersambung dan terputusnya sanad dan sebagainya.<sup>60</sup> Dalam penilaian perkembangan penulisan fiqh Melayu kewujudan perbincangan hadis maudu’, hadis mutawattir, hadis *dai’if*. Penulisan ilmu mustalah hadis mula dibincangkan dalam kerangka ilmu fiqh. Perbincangannya lebih kontemplasi dan komprehensif mengikut metode dan format pengajian ilmu mustalah hadis. Ia merujuk kepada penditilan pembahagian hadis sahih, hasan dan hadis daif. Malah, pendekatan menyeluruh penulisan hadis merangkumi *sanad, matan, rawi, dhabit* dan sebagainya. Kemunculan penulisan mustalah hadis dalam penulisan ilmu fiqh merupakan pendekatan baharu penulisan karya fiqh Melayu. Penulisan karya rintis bermula secara berperingkat-peringkat sehingga terhasilnya beberapa metode penulisan karya hadis yang dihuraikan dalam kerangka ilmu fiqh abad ke-20.<sup>61</sup>

## **PENULISAN SYARAT FATWA**

“...ingatlah kerana segala yang memberi fatwa maka adalah bahaya yang amat besar kepada yang memberi fatwa jikalau belum tahqiq sesuatu mestilah daripada hadis dan dalil (al-Quran) atau daripada kitab segala ulama maka janganlah di fatwakan segala akan dia...”<sup>62</sup>

Dalam penulisan *Hujah al-Balighah ‘ala Jama’ah al-Mukhasamah* membincangkan secara detil berkaitan mereka yang berkelayakan dan tidak berkelayakan dalam mengeluarkan fatwa. Ia disebut sebagai *muallim sunan* dan *muallim syaitan*. Muallim sunan adalah mereka yang berfatwa berdasarkan dalil (al-Quran), hadis dan merujuk kepada kitab-kitab ulama yang berautoriti. Penulis juga mendapati banyak penulisan berkaitan dengan fatwa namun ditulis secara ringkas.

### ***Penulisan mendefinisikan pengertian mufti***

<sup>58</sup> *Ibid.*, 3; من لا شيخ له فالشيطان شيخه

<sup>59</sup> *Ghayah al-Taqrīb* MSS 3980, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.

<sup>60</sup> Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman bin Abi Bakr al-Suyuti, *Tadrib al-Rawi fi Sharh Taqrīb al-Nawawiyy* (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, j. 1, cet. 3, 2002), 5-6.

<sup>61</sup> Shaykh Muhammad Idris bin ‘Abd al-Ra’uf al-Marbawi, *Bahr al-Madhi* (Mesir: Matba’ah Mustafa al-Halabi, 1933); Manakala, dalam karya *Ilhām al-Bārī* cenderung mengemukakan perbincangan fiqh dengan perbincangan mencakupi hadis-hadis hukum dengan menukulkan pendapat fuqaha Mazhab Syafie; ‘Abd al-Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu* (Pulau Pinang: Persama Press, t.t); Shaykh ‘Abd al-Qadir bin ‘Abd al-Mutallib al-Mandili, *Tuhfah al-Qari’ al-Muslim al-Mukhtarah mimma Ittafaq ‘Alayh al-Bukhari wa al-Muslim* (Qaherah: Matba’ah Hijaziyyah, 1951).

<sup>62</sup> *Hujah al-Balighah ‘ala Jama’ah al-Mukhasamah* MSS 3575, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur, 4.

“...maka mufti fiqh itu iaitu segala hukum yang tujuh perkara iaitu wajib dan sunat dan harus dan haram dan makruh dan sah dan batal maka mufti usul fiqh itu itlaq...”<sup>63</sup>

### ***Penulisan mengisyaratkan kepada ijmak ulama***

“...dan adapun asalnya dahulu daripada ijmak beberapa ayat setengah daripadanya...”<sup>64</sup>

“...bermula asal hukum pada wikalah dahulu daripada ijmak segala ulama itu...”<sup>65</sup>

“...kerana mengikut kitab dan kerana mengikut ijmak...”<sup>66</sup>

“...diwajibkan akan barang yang tiada wajib dengan ijmak...”<sup>67</sup>

Pengertian *ijma'* yang diterima pakai oleh majoriti ulama ialah persepakatan para ulama mujtahidin dari umat Nabi Muhammad SAW yang berada pada masa atau zaman sesuatu hukum berlaku.<sup>68</sup> Mengikut majoriti ulama ijmak mestilah bersandarkan kepada dalil syarak kerana memperkatakan sesuatu perkara tanpa berlandaskan dalil adalah dianggap sebagai suatu kesalahan. Sandaran ijmak terdiri daripada nas al-Quran dan hadis, *qias*, *'urf* serta jenis-jenis ijtihadiyyah yang lain. Ijmak menurut ulama usul kesepakatan para mujtahid umat setelah wafatnya Nabi SAW terhadap hukum syarak.<sup>69</sup> Sekiranya petunjuk hukum tidak terdapat dalam al-Quran dan hadis maka hendaklah dirujuk kepada apa yang dilazimi oleh perundangan Islam iaitu ijmak ulama.<sup>70</sup> Ini bermakna, dalam penulisan karya fiqh Melayu pengarangnya melestarikan ijmak sebagai sumber hukum sebagaimana Imam Ahmad dan Imam Syafi'e meletakkan ijmak sebagai sumber rujukan dalam membina hukum.<sup>71</sup>

### ***Penulisan menukulkan hukum darurat***<sup>72</sup>

“...apabila melangkai dalam satu pihak negeri maka iaitu adalah ia hukumnya darurat jikalau ada ia menyalahi qias sekalipun...”<sup>73</sup>

### ***Penulisan menukulkan ikhtilaf***<sup>74</sup>

<sup>63</sup> *Safinah al-Hukam fi Talkhis al-Khisam* MSS 3534,” 7.

<sup>64</sup> *Nahj al-Raghibin* MSS 333,” 3.

<sup>65</sup> *Mir'ah al-Tullab fi Tashil al-Ma'rifah al-Ahkam wa al-Syari'ah li al-Mulk al-Wahhab* MSS 2674,” 263.

<sup>66</sup> *Fath al-Manan*, MSS 21,” 3.

<sup>67</sup> *Sullam al-Mubtadi fi M'arifah Tariq al-Muhtadi* (Patani: Matba'ah bin Halabi, t.t)..

<sup>68</sup> Amin al-Jarumi, “*Usul Fiqh Prinsip*, 55-64.

<sup>69</sup> Muhammad Saleh al-'Uthaymin, *al-Usul Min 'Ilm al-Usul* (Qaherah: Maktabah al-Sunnah, 1993), 88.

<sup>70</sup> Surat Persendirian Syeikh Tahir, *Jawapan Kepada Soalan-Soalan Agama*, No Ruj: 2006/0036421, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

<sup>71</sup> Irwan Mohd Subri, *Sejarah Perundangan Islam Aliran al-Hadith dan Aliran al-Ra'y dalam Fiqh* (Negeri Sembilan: Kolej Universiti Islam Malaysia, 2006), 98; Ahmad Hassan, “al-Shafi'i Role in the Development of Islamic Jurisprudence,” *Islamic Studies*, vol. v, (1996), 239-273.

<sup>72</sup> *Bulugh al-Maram* MSS 733,” 8.

<sup>73</sup> *Hujah al-Balighah 'ala Jama'ah al-Mukhasamah* MSS 4077,” 8.

<sup>74</sup> *Bulugh al-Maram* MSS 733,” 8.

“...maka adalah ikhtilaf antara riwayat lafzi yakni pada lafaz jua kerana dikehendaki dalam Sirat al-Mustaqim...”<sup>75</sup>

“...maka yang khilaf pada mazhab imam kita Syafi’e...”<sup>76</sup>

### ***Penulisan menukilkan ‘urf***<sup>77</sup>

“...dan pada ‘urf maknanya iaitu perbuatan yang menunjukkan membesarkan bagi orang yang memberi nikmat...”<sup>78</sup>

“...dan kata setengah mengikut ‘urf yang dikatakan sedikit maka sah dan jika banyak tiada sah...”<sup>79</sup>

“...bermula adat yang berlaku dalam negeri itu ditegaskan dalam hukum...”<sup>80</sup>

### ***Penulisan menukilkan ta’rif hukum syarak***

“...Makna hukum itu iaitu mengisbatkan sesuatu atau menafikan dia (sesuatu itu)...”<sup>81</sup>

### ***Penulisan menukilkan ta’rif dalam bahasa Arab***

“...ta’rif makna hijab itu dinding dan tegah...”<sup>82</sup>

### ***Penulisan menukilkan konsep komprehensif (jami’ dan mani’)***

“...maka jikalau rukun segala yang lain maka jadi niat itu jami’ lagi mani’ yang menetapkan segala ifrad sembahyang...”<sup>83</sup>

Penulisan ini sekalipun tidak memberi gambaran sebenar aspek jami’ dan mani’ dalam takrifan niat dalam solat. Ia memerlukan kepada penelitian ilmiah yang mendalam dan holistik. Namun begitu, penulisan jami dan mani’ yang dipaparkan memberi gambaran umum konsep penulisan dari aspek keluasan pemikiran intelektual penulisan karya fiqh Melayu klasik.

### ***Penulisan menukilkan maksud sesuta dari sudut istilah***

---

<sup>75</sup> *Ibid.*,

<sup>76</sup> *Bulugh al-Maram* MSS 504,”

<sup>77</sup> Menurut Ibn Faris *al-‘urf* memiliki dua maksud. Pertama sesuatu yang terus menerus dilakukan secara turun-temurun manakala kedua kedamain serta ketenangan; Ibn Faris al-Qazwini, *Mu`jam Maqayis al-Lughah* (Qahirah: Mustafa al-Babi bin Halabi, ed. kedua, 1969); Istilah ‘urf sebagai sesuatu kebiasaan hidup yang diterima akal dan tabiat murni; Wahbah al-Zuhayli, *Usul al-Fiqh al-Islami* (Damsyik: Dar al-Fikr, j. 2, cet. ke-2, 1998), 830; ‘Ali bin Muhammad al-Jurjani, *al-Ta’rifat* (Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi, 1405), 193.

<sup>78</sup> *Fath al-Manan* MSS 21, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur, 3.

<sup>79</sup> *Nahj al-Raghibin* MSS 332,” 3.

<sup>80</sup> *Hujah al-Balighah ‘ala Jama’ah al-Mukhasamah* MSS 4077,” 9.

<sup>81</sup> *Hujah al-Balighah ‘ala Jama’ah al-Mukhasamah* MSS 3575,” 3.

<sup>82</sup> *Ghayah al-Taqrif* MS 262, 4.

<sup>83</sup> *Bulugh al-Maram* MSS 504,

“...mujtahid pada istilah iaitu meluaskan bicara pada mengesahkan yakin yang kuat dengan hukum syarak yang berlaku ia dengan hadis dan dalil dan perkataan segala ulama...”<sup>84</sup>

### ***Penulisan pendapat *tabie' al-tabi'in****

“...diambilnya kata *ibn Hajar* di dalam tuhfah yakni tiada dituntut...”<sup>85</sup>

“...dan telah memilih akan dia imam al-Nawawi...”<sup>86</sup>

“...dan segala hukum syarak dan lagi disebut padanya dan katanya man ‘abbada Allah bi al-jahli kana ma yufsiduhu akthar mimma yuslih...”<sup>87</sup>

“...segala sahabat kemudian *tabi'u'n* ertinya segala yang mengikut dan mereka itu segala yang berjumpa dengan sahabat...”<sup>88</sup>

Selain hadis-hadis Rasulullah pendapat *tabie' al-tabi'in* menjadi sumber penulisan karya fiqh Melayu dalam membincangkan huraian hukum. Terdapat beberapa kata-kata *tabie' al-tabi'in* antaranya *ibn Hajar al-Asqalani*, *imam al-Rafi'e*, *Umar bin Abdul Aziz* yang menjadi pandangan dan hujah dalam huraian penulisan karya fiqh Melayu.

### ***Penulisan menukulkan pendapat fuqaha***

“...aku himpulkan akan beberapa *aqwal fuqaha al-Kiram* pada hal aku naqalkan daripada beberapa yang muktabar pada mazhab...”<sup>89</sup>

Penulisan menaqalkan pendapat-pendapat dalam kalangan fuqaha Mazhab Syafi'e. Antara fuqaha yang terkenal dalam Mazhab Syafi'e yang terkenal dan menjadi rujukan dalam ilmu fiqh termasuklah *Imam al-Nawawi* dikenali dengan *Abu Zakaria Mahyudin Yahya Ibn Sharaf al-Nawawi* dan *Imam Abu al-Qasim Abdul Karim bin Muhammad bin Abdul Karim bin al-Fadhl bin al-Hasan al-Rafi'i al-Qazwini*.<sup>90</sup> Kitab-kitab yang menjadi rujukan utama dalam mazhab Syafi'e adalah kitab-kitab yang dikarang oleh *Imam al-Nawawi* (676H) dan *al-Rafi'i* (623H).

### ***Penulisan menukulkan pendapat ahli Madinah***

“...dan tiada harus mengerjakan sembahyang terawikh lebih dari dua puluh rakaat iaitu lima terawikh kerana tiap-tiap empat rakaat itu satu terawikh melainkan mengikut (amalan) ahli Madinah...”<sup>91</sup>

### ***Penulisan menukulkan mazhab fiqh***

<sup>84</sup> *Hujah al-Balighah 'ala Jama'ah al-Mukhasamah* MSS 3575,” 5.

<sup>85</sup> *Nahj al-Raghibin* MSS 332,” 3.

<sup>86</sup> *Fath al-Manan* MSS 21, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur, 3.

<sup>87</sup> من عبد الله بغير علم كان ما يفسد أكثر مما يصلح ; *Hidayah al-Muta'allim Wa 'Umdah al-Mu'allim* MSS 485,” 3.

<sup>88</sup> *Ibid.*,

<sup>89</sup> *Syeikh Zainul Abidin bin Muhammad al-Fatani, Kashf al-Litham 'an As'ilah al-Anam* (Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Bahri wa Awladuhu, juzuk 1, t.tp, tt).

<sup>90</sup> *Zulkifli Mohamad al-Bakri, Istilah-Istilah Fiqah dan Usul: Empat Mazhab* (Subang Jaya: OMR Press Sdn. Bhd, c.2, 2013), 353-355.

<sup>91</sup> *Sabil al-Muhtadin li Tafaqquh fi Amr al-Din* MSS 2252,” 14.

Penulisan karya fiqh Melayu menyebut kepentingan mazhab dalam perbahasan hukum. Pengarang karya berusaha menukilkan kepentingan empat mazhab fiqh dalam karya penulisan. Contoh :

‘...inilah kesempurnaannya ma’rifah akan Allah SWT pada ahli Sunnah Wal Jamaah iaitu mazhab imam yang empat iaitu imam Syafi’e dan imam Hanafi dan imam Malik dan imam Hanbali..<sup>92</sup>

Empat mazhab meliputi perselisihan, kesepakatan dan ketunggulan dalam isu fiqh. Antara contohnya seperti yang berikut :

“...daripada a’immah al-Syafi’e dan al-Lakhmi daripada Maliki dan Thahawi daripada Hanafi dan Ibn Battah daripada Hanbali kata qil...”<sup>93</sup>

“...Inilah kesempurnaannya ma’rifat akan Allah Ta’ala pada Ahli Sunnah wa al-Jamaah iaitu mazhab imam yang empat iaitu imam Syafi’e dan imam Hanafi dan imam Maliki dan imam Hanbali...”<sup>94</sup>

“...pada mazhab imam Abu Hanifah dan imam Ahmad bin Hanbal maka yang khilaf pada mazhab imam kita Syafi’e...”<sup>95</sup>

#### ***Penulisan taklid kepada manhaj mazhab***

“...maka apabila sah sulhnya bagi mereka itu nescaya harus bagi kita taklid kepada mereka (itu taktala darurat seperti pada hukum nikah...”<sup>96</sup>

Penulisan dengan jelas mengisyaratkan kepada bertaklid kepada suatu pegangan dalam masalah hukum sulh. Iaitu berpegang kepada qaul yang asah dalam mazhab Syafi’e.

#### ***Penulisan perkataan Melayu dan Arab dalam ayat***

“...kerana *thabit* yang demikian itu daripada *fa’ala* (perbuatan) Nabi SAW...”<sup>97</sup>

#### ***Penulisan menukilkan pendapat mazhab Syafi’e kepada mazhab al-Ifham***

“...aku naqalkan daripada beberapa yang muktabar pada mazhab al-Ifham...”<sup>98</sup>

Penulisan juga menukarkan kata Mazhab Syafi’e kepada *mazhab al-Ifham* yang membawa maksud doktrin yang mempersonakan iaitu yang diikuti dan kebanyakan yang mengamalkannya di Alam Melayu.

#### ***Menukilkan mazhab jadid dan mazhab qadim Imam Syafi’e***

<sup>92</sup> *Hidayah al-Awwam* MSS 3843,” 3.

<sup>93</sup> *Fath al-Manan* MSS 21,” 4.

<sup>94</sup> *Hidayah al-Awwam* MSS 3843,” 3.

<sup>95</sup> *Bulugh al-Maram* MSS 504,”

<sup>96</sup> *Mir’ah al-Tullab fi Tashil al-Ma’rifah al-Ahkam wa al-Syari’ah li al-Mulk al-Wahhab* MSS 2674,” 235.

<sup>97</sup> *Sabil al-Muhtadin li al-Tafaqqah fi Amr al-Din* MSS 2252,” 13.

<sup>98</sup> Syekh Zainul Abidin bin Muhammad al-Fatani, *Kasyf al-Litham ‘An As-Ilah al-Anam* (Maktabah wa Matba’ah Muhammad al-Bahri wa Auladuhu, juzuk 1, t.tp, t.t), 3.

“...qaul baginya tiada qaul jadid dan tiada qaul qadim dan tiada wajah bagi Ashabnya...”<sup>99</sup>

Antara penulisannya yang mendokong mazhab qadim adalah kitab *al-Risalah fi Usul al-Fiqh* dan *al-Hujah fi al-Fiqh*. Antara penulisan yang mendokong mazhab jadid adalah kitab *al-Risalah (al-Jadidah)*, *al-Umm*, *al-Imla'*, *Mukhtasar al-Buwaiti* dan lain-lain lagi.

### **PENULISAN ILMU AKIDAH**

Dalam mensyarahkan isu-isu berkaitan dengan iman dan akidah penulisan karya fiqh Melayu banyak memaparkan pendapat-pendapat yang dikutip dalam mazhab ahl al-Sunnah wa al-Jamaah. Perkara ini dapat dijelaskan berdasarkan melalui rujukan beliau kepada ulama-ulama ahl al-Sunnah wa al-Jamaah seperti Imam al-Nawawi (676H), al-Zabidi. Penulisan akidah dan tauhid ditulis dalam karya-karya fiqh kerana terdapat gabungan ilmu tauhid, fiqh dan tasawuf dalam abad awal penulisan karya fiqh Melayu. Antara contoh penulisan dalam bab iman :

#### ***Penulisan menukilkan Ahli Sunnah Wal Jamaah***

“...inilah kesempurnaannya ma'rifat akan Allah Ta'ala pada Ahli Sunnah Wal Jamaah...”<sup>100</sup>

“...iaitu mazhab imam Maturidi dan menguatkan oleh imam Zaidi dan menjalan oleh imam Asy'ari...”<sup>101</sup>

Berdasarkan teks penulisan, dapat difahami bahawa terdapat tiga asas utama yang membentuk identiti Ahli Sunnah wal Jamaah dalam penulisan fiqh Melayu. Tiga asas ini adalah asas yang diakui berdasarkan rekod catatan penulisan karya fiqh Melayu. Setiap satu dari ketiga-tiga asas ini mempunyai hujah yang merupakan tonggak dalam bidang tersebut. Tonggak Ahli Sunnah dalam bidang akidah adalah Imam Abū al-Ḥasan al-Ash'arī dan Imam Abū al-Manṣūr al-Māturīdī, tonggak dalam bidang fikah adalah Imam Syāfi'e namun terdapat tulisan tentang imam fiqh yang lain seperti Abū Ḥanīfah, Imam Mālik, dan Imam Ahmad. Manakala dalam bidang tasawuf pula adalah imam al-Ghazālī. Dengan ini jelaslah bahawa umat Islam Melayu adalah umat yang berpegang kepada mazhab mazhab Asy'arī dari segi iktikad, beramal dengan mazhab Syafi'i dari segi fiqh, dan menuruti tasawuf Imam al-Ghazālī dari segi akhlak. Inilah tiga asas Ahli Sunnah Wal Jamaah di Alam Melayu khususnya. Setiap satu daripada tiga asas ini berdasarkan kenyataan teks-teks fuqaha Melayu atau rekod-rekod yang menjelaskan pegangan masyarakat Islam Alam Melayu terhadap asas tersebut.

### **PENULISAN BENTUK SEJARAH**

Selain dari bentuk penulisan fiqh perbincangan penulisan karya fiqh Melayu dilihat lebih menarik apabila diselangi dengan elemen penulisan sejarah. Ia menggambarkan kreativiti pengarang mampu meninggalkan kesan mendalam kepada para pembaca. Kisah-kisah benar dan peristiwa masa lampau yang dipaparkan dalam perbincangan ilmu fiqh akan mudah difahami dan diambil manfaat. Pengarang karya fiqh Melayu mengambil kesempatan

---

<sup>99</sup> *Bahjah al-Mubtadin wa Farhah al-Mujtadin* (Pulau Pinang: Matba'ah al-Mu'arif, t.t), 27..

<sup>100</sup> *Hidayah al-Awwam* MSS 3843,” 4.

<sup>101</sup> *Jawahir al-Saniyyah fi Syarh al-Aqa'id al-'Aliyyah wa Ahkam al-Fiqh al-Mardiyyah wa Tariq al-Suluk al-Muhammadiyah* MSS 127,” 6.

menyentuh isu-isu yang berkaitan dengan sejarah jika ia bersesuaian dengan konteks perbincangan fiqh sebagai iktibar dimasa hadapan. Antara penulisan-penulisan berkaitan sejarah dalam karya fiqh Melayu ialah sejarah para Nabi dan Rasul bersama kaumnya. Sejarah bangsa Arab pada zaman jahiliyyah, sirah Nabi Muhammad SAW yang merangkumi akhlak, didikan, tarbiyah, mukjizat, peperangan dan sebagainya. Penulisan sejarah merupakan isu yang sangat luas meliputi pelbagai cabang tertentu. Terdapat kebanyakan bab gambaran kisah hidup nabi sama ada dalam bentuk perkataannya, amalan pelakuan, akhlak, tunjuk ajarnya, peperangan dan sebagainya. Antara contoh penulisan sejarah yang terkandung dalam penulisan fiqh Melayu seperti berikut :

### ***Penulisan kisah Nabi Muhammad SAW***

Penulisan sejarah Nabi Muhammad SAW sebagai satu cerita kisah yang diceritakan oleh pengarang karya fiqh Melayu. Contoh :

“...maka taktala adalah pada hijrah Nabi atas yang terafdal rahmat Allah dan selama seribu dua ratus dua puluh enam...”<sup>102</sup>

“...rahmat Allah itu atas Nabi Mustafa Muhammad dan iaitu nama nabi kita dan menamai akan dia oleh Abdul Mutalib pada hari yang ketujuh dari hari beranaknyanya maka bertanya orang baginya kerana apa engkau nama bagi anak engkau Muhammad dan tiada daripada nama bangsa engkau dan tiada daripada nama kaum engkau...”<sup>103</sup>

### ***Penulisan kisah Nabi-Nabi***

“...atas qaul yang masyhur dan masuk di dalam katanya Nabi Isa kerana berjumpa pada malam Isra’...”<sup>104</sup>

“...maka wajib beriman dengan mereka itu..dan mereka itu dua puluh lima orang Adam dan Idris dan Nuh dan Hud dan Saleh dan Ibrahim dan lut dan Ishaq dan Ismail dan Yaakub dan Yusuf dan Ayub dan Syuaib dan Harun dan Musa dan..Saiyidina Muhammad SAW...”<sup>105</sup>

### ***Penulisan kisah sahabat dan ahli keluarga Nabi SAW***

“...dan katanya sebaik-baik sahabat dan sebaik-baik keluarga memberi ketahui bahawasanya sahabat dan keluarga Nabi kita ialah yang terlebih afdal daripada segala sahabat dan keluarga para anbia’ yang dahulu-dahulu yang bukan mereka itu anbia’...”<sup>106</sup>

“...bahawasanya sekalian sahabat Nabi SAW adil sekeliannya dan yang terlebih daripada mereka itu saidina Abu Bakar kemudian saidina Umar kemudian Usman kemudian saidina Ali kemudian maka sahabatnya yang enam orang iaitu saidina Talhah dan saidina Zubir bin Awwam dan saidina Saad ibn Abi Waqas dan saidina Said bin Zubir dan saidina Abdul Rahman

---

<sup>102</sup> *Nahj al-Raghibin* MSS 332,” 3.

<sup>103</sup> *Fath al-Manan* MSS 21,” 4.

<sup>104</sup> *Ibid.*, 7.

<sup>105</sup> *Bahjah al-Mubtadin wa Farhah al-Mujtadin*,” 8.

<sup>106</sup> *Fath al-Manan* MSS 21,” 5.



bin Auf dan saidina Abu Ubaidah Amir anak Jarah r.a (kemudian) sekalian sahabat Nabi yang lain daripada mereka itu r.a...<sup>107</sup>

“...bahawa nabi kita itu bangsa Arab lagi bangsa Quraisy dan namanya Muhammad anak Abdullah anak Abdul Mutallib anak Hashim dan ibunya Aminah anak Wahab...”<sup>108</sup>

### **PENULISAN MENYELITKAN UNSUR-UNSUR NASIHAT**

“...maka inilah nasihat faqir pada segala saudara yang memberi fatwa nescaya disejahterkan oleh Allah Taala akan tuan-tuan sekalian..”<sup>109</sup>

### **PENULISAN MENUKILKAN DARI SUDUT BAHASA**

Penulisan karya fiqh Melayu juga menekankan kesungguhan pengarangnya memberikan makna mufradat al-lughawiyah yang terdapat dalam perbincangan sesuatu tajuk. Antara contohnya :

“...ini suatu kitab pada menyatakan beberapa hukum berjual dan beli iaitu pada lughah diberikan suatu dengan sesuatu...”<sup>110</sup>

“...dan makna puji pada lughah...”<sup>111</sup>

### **PENULISAN ISTILAH BAGI MENGGAMBARAKAN PERSELISIHAN ULAMA**

“...apa kata mazhab ulama..”

“...bersalah-salahan pendapat ulama...”

### **PENULISAN TERJEMAHAN SEMULA TULISAN ARAB KEPADA TULISAN JAWI MELAYU**

Penulisan menterjemahkan semula tulisan Arab kepada tulisan Melayu Jawi. Pendekatan penulisan bermula pada catatan mukadimah sehingga dalam perbincangan kandungan ilmu fiqh. Contoh :

“...ترجمت من كتب المعتمد في المذاهب كالمنهاج والتحفة والنهاية والوهاب والمنهج وفتح

الوهاب والقناع وغيرها...”

“...bahawa aku terjemahkan daripada beberapa kitab yang dimuktamadkan oleh Mughni pada mazhab seperti kitab Minhaj dan tuhfah dan Nihayah dan wa syarah al-Minhaj dan syarahnya fath al-Wahab dan Iqna' khatib Syarbini dan lainnya...”<sup>112</sup>

<sup>107</sup> Syiekh Abdul Samad bin Muhammad Saleh al-Kelantani, *Minhah al-Qarib wa Mughni al-Raghibin fi al-Taqrif* (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, Koleksi Nadir, 2006.), 7.

<sup>108</sup> *Bahjah al-Mubtadin wa Farhah al-Mujtadin*,” 8.

<sup>109</sup> *Hujah al-Balighah 'ala Jama'ah al-Mukhasamah* MSS 3575,” 4.

<sup>110</sup> *Nahj al-Raghibin* MSS 332,” 3.

<sup>111</sup> *Fath al-Manan* MSS 21,” 3.

<sup>112</sup> *Nahj al-Raghibin* MSS 332,” 3.

"...فأجبت سؤاله وكتبت هذه الرسالة مستعينا بالله عن الخطأ ونسيان وطالبا للثواب  
للملك الوهاب المنان.."

"...maka aku perkenankan pertanyaannya dan kusuratkan baginya risalah ini pada hal aku minta tolong kepada Allah daripada tersalah dan lupa dan ku minta bagi pahala yang amat besar daripada tuhan yang menganugerahi dan memberi nikmat..."<sup>113</sup>

### KAEDAH DALAM MENYATAKAN RUJUKAN

Kepelbagaian kaedah penyataan sumber rujukan, pola dan corak penulisan karya fiqh Melayu klasik selari dengan konteks penulisan yang mempunyai ciri saduran dan terjemahan. Ia satu platform menilai kepelbagaian maklumat berkaitan penulisan dan terjemahan teks mengikut pendekatan penulisan fiqh Melayu. Oleh itu, kaedah penyataan rujukan dibentangkan bagi mendekati pelbagai aspek penulisan. Terdapat beberapa pendekatan penulisan karya fiqh Melayu dalam kaedah penyataan rujukan iaitu:

#### *Menyatakan nama penulis dan judul kitab contoh*

"...adakah disunatkan sujud sahwi atau tiada bersalah-salahan ulama kata Asnawi disunatkan baginya sujud sahwi dan mengikut akan dia Syeikh Islam di dalam Sharh Minhaj..."<sup>114</sup>

"...inilah yang telah dinaskan oleh Syeikh Islam dalam majmu' dan Syeikh Ibn Hajar dalam Fath al-Jawad bersalahan yang disebutkan Syeikh Ibn Hajar dalam Tuhfah..."<sup>115</sup>

"...kata Imam Nawawi di dalam Majmu'..."<sup>116</sup>

"...ibarat Imam Ghazali dalam Bidayah al-Hidayah..."<sup>117</sup>

#### *Menyatakan nama penulis, judul kitab dan bab yang terdapat dalam kitab Contoh*

"...daripada Raudah pada Sharh Minhaj yang disahkan oleh Shaykhan..."<sup>118</sup>

Shaykhan dalam penulisan karya merujuk kepada Imam Nawawi dan Imam Rafi'e, iaitu pengarang kitab *Muharrar* dan kitab *Minhaj al-Talibin*.

<sup>113</sup> *Hujah al-Balighah 'ala Jama'ah al-Mukhasamah* MSS 3575," 3.

<sup>114</sup> *Sabil al-Muhtadin li Tafaquh fi Amr al-Din* MSS 2252, 10.

<sup>115</sup> *Ibid.*, 11-12.

<sup>116</sup> *Ibid.*

<sup>117</sup> *Bahjah al-Muhtadin wa Farhah al-Muhtadin*, 22.

<sup>118</sup> *Nahj al-Raghibin* MSS 332, 15; Shaykhan merujuk kepada Imam Shaykh al-Islam al-Imam Abu al-Qasim 'Abd al-Karim bin Muhammad bin 'Abd al-Karim al-Rafi'e (555-624H). Imam al-Rafi'e menyusun kitab *al-Muharrar* dengan membuat ringkasan (*mukhtasar*) kitab *al-Wajiz* karya Imam Abu Hamid al-Ghazali (505H). Ia merujuk Mahyu al-Din Abu Zakariyya Yahya bin Sharf al-Nawawi (676H) pengarang *Minhaj al-Talibin*.

### **Menyatakan nama sahaja**

“...riwayat Imam Ahmad daripada Abi Hurairah dan lagi riwayat Muslim...”<sup>119</sup>  
“...kata Qadi Abu Taiyyib...”<sup>120</sup>  
“...bermula rukun sembahyang itu kata Imam al-Nawawi r.a tiga belas perkara...”<sup>121</sup>  
“...kata Syeikh Hasan al-Bakri r.a iaitu alamat balighnya...”<sup>122</sup>  
“...kata Imam Nawawi...”<sup>123</sup>  
“...kata Ibn ‘Abbas r.a. jika bahawa adalah satu halqah...”<sup>124</sup>  
“...kaedah kata Imam Sayuti r.a bermula hajat itu apabila...”<sup>125</sup>  
“...telah diriwayatkan oleh Bayhaqi akan hadis...”<sup>126</sup>  
“...segala kitab bagi ulama yang besar-besar dan segala faqih yang mulia...”<sup>127</sup>

### **Tanpa menyatakan nama penulis hanya menyebutkan ulama sahaja**

“...dan kerana inilah kata setengah ulama demikian itu alamat...”<sup>128</sup>  
“...kata setengah ulama demikian lagi tidak dapat mengambil pusaka...”<sup>129</sup>  
“...maka kata jumhur segala ulama diharuskan sah yang demikian itu...”<sup>130</sup>  
“...kata ulama r.a barangsiapa yang solat tapi tidak mengetahui kaifiyyah (hukum dan tatacara sholat) maka solatnya tidak sah dan menurut sebagiannya lagi termasuk ibadah lainnya, walaupun ibadah orang jahil sama dan menyamai orang yang berilmu baik dalam hal wuduknya atau solatnya...”<sup>131</sup>

### **Menyatakan fatwa ulama dan tempat ulama.**

“...telah hamba dapat fatwa daripada seseorang daripada ulama Mesir...”<sup>132</sup>

<sup>119</sup> *Nahj al-Raghibin* MSS 332, 8.

<sup>120</sup> *Ibid.*, 15.

<sup>121</sup> *Hidayah al-‘Awam* MSS 3843, 7.

<sup>122</sup> *Mir‘ah al-Tullab* MSS 2674, 195.

<sup>123</sup> *Ibid.*, 238.

<sup>124</sup> *Wushah al-Afrah wa Isbah al-Falah*, 8.

<sup>125</sup> *Hujjah al-Balighah ‘ala Jama‘ah al-Mukhasamah* MSS 4077, 5.

<sup>126</sup> *Ibid.*, 9.

<sup>127</sup> *Hidayah al-‘Awam* MSS 3843, 1.

<sup>128</sup> *Nahj al-Raghibin* MSS 332, 8.

<sup>129</sup> *Ghayah al-Taqrif* MS 262, 9.

<sup>130</sup> *Hujjah al-Balighah ‘ala Jama‘ah al-Mukhasamah* MSS 4077, 9.

<sup>131</sup> قال العلماء رحمهم الله تعالى من صلى جاهلا بكيفية الوضوء والصلاة لم تصح عبادة وان صادف الصحة فيهما *Hidayah al-Muta‘allim wa ‘Umdah al-Mu‘allim* MSS 485, 2.

<sup>132</sup> *Bahjah al-Mubtadin wa Farhah al-Mujtadin* (Pulau Pinang: Matba‘ah al-Mu‘arif, t.t), 40.

“...ambil dari muwallat orang alim dan yang di amalkan pada tiap-tiap negeri Mekah dan Madinah dan seperti lainnya...”<sup>133</sup>

***Menyatakan nama kitab tidak dijelaskan namanya.***

“...jika berlaku ia atasnya setengahnya pada qawl yang asah kata dalam tuhfah...”<sup>134</sup>

***Menyatakan teks yang terdapat dalam kitab rujukan dalam mendatangkan hujah.***

“...fayabtulu..khilafa li al-A’immah al-thalathah fi tuhfah (maka terbatalah hukum itu kerana menyalahi pendapat tiga Imam di dalam tuhfah)...”<sup>135</sup>

**MENYATAKAN RUJUKAN KEPADA KITAB JAWI**

“...aku himpulkan..daripada kitab Jawi atas kadar yang sedikit...”<sup>136</sup>

***Penggunaan istilah dan simbol tertentu ketika menyatakan rujukan***

Terdapat simbol-simbol dalam penulisan karya fiqh Melayu yang tidak dapat dijelaskan oleh pengarang. Dalam perkembangan penulisan karya fiqh Melayu terdapat penggunaan istilah dan simbol-simbol tertentu bagi mengisyaratkan bentuk nukilan. Jika nukilan sepenuhnya terhadap sesuatu teks beliau menggunakan simbol **ا** yang membawa maksud انتهى iaitu telah selesai.<sup>137</sup> Jika nukilan diringkaskan dan tidak mengambil integral teks beliau menggunakan istilah **ا** yang bermaksud ringkasan.<sup>138</sup> Manakala, jika beberapa penambahan penulisan terhadap teks yang dinukilkan maka istilah yang digunakan ialah **زيادة** yang bermaksud penambahan. Dan **تنبيه** apabila terdapat kepentingan atau peringatan terhadap sesuatu perbincangan hukum.<sup>139</sup>

Hasil penelitian, pada hemat pengkaji pengarang karya fiqh Melayu berusaha sebaik mungkin untuk menjadikan karya-karya penulisan sebagai karya yang diperakui melalui sumber rujukan yang berautoriti. Dalam struktur penulisan, pengkaji tidak menemui istilah dan simbol tertulis dalam karya fiqh Melayu abad ke-17 dan ke-18 seperti simbol yang tercatat pada abad ke-19. Walaupun begitu, terdapat tanda atau simbol pada karya penulisan abad ke-18 namun pengkaji kurang pasti adakah ia merupakan simbol tulisan atau kesalahan penyalinan. Pendekatan istilah dan simbol hanya mula ditulis dalam karya fiqh Melayu melalui edisi cetakan. Istilah dan simbol dianggap ringkasan dalam kependekan penulisan. Terdapat andaian, simbol bertindak menunjukkan format penyusunan penulisan dan tempat berhenti ketika membaca. Ia merupakan aspek penggunaan gaya stilistik penulisan bergantung kepada pilihan pengarang. Ini kerana, tidak terdapat tanda bacaan, tanda noktah

<sup>133</sup> *Matla' al-Badrain wa Majma' al-Bahrain* (Singapura: Maktabah al-Tijari al-Sharqiyy, t.t), 2.

<sup>134</sup> *Mir'ah al-Tullab* MSS 2674, 235.

<sup>135</sup> *Ibid.*, 235.

<sup>136</sup> *Matla' al-Badrain wa Majma' al-Bahrain*, 2.

<sup>137</sup> *Bahjah al-Mubtadin wa Farhah al-Mujtadin*, 63, 19; Syeikh Zainul Abidin bin Muhammad al-Fatani, *Kashf al-Litham 'an As'ilah al-Anam*, 406.

<sup>138</sup> *Bahjah al-Mubtadin wa Farhah al-Mujtadin*, 26.

<sup>139</sup> *Hujjah al-Balighah 'ala Jama'ah al-Mukhasamah* MSS 4077, 5; *Hidayah al-'Awam* MSS 3843, 4.

dan perenggan dalam model penulisan klasik. Ini selari dengan simbol **اه** yang membawa maksud **انتهى** berperanan sebagai tanda berhenti dalam penulisan klasik. Lebih-lebih lagi, tradisi penulisan karya fiqh Melayu terikat dengan corak penulisan kitab fiqh Arab klasik secara tekstual.

## RUJUKAN KITAB UTAMA

Apabila membincangkan plot penulisan karya fiqh Melayu yang berunsurkan fiqh Islam, persoalan yang timbul ialah berkaitan sumber utama rujukan penulisan. Dalam kajian, pengkaji meneliti sumber rujukan yang digunakan dalam penulisan karya fiqh Melayu. Dalam tradisi penulisan fiqh Islam, terdapat kecenderungan memilih sesuatu aliran pemikiran atau mazhab.<sup>140</sup> Situasi sama turut berlaku dalam penulisan karya fiqh Melayu klasik yang terpengaruh dengan aliran dan pemikiran mazhab. Fahaman yang menjadi pegangan sebilangan besar fuqaha Melayu adalah aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah<sup>141</sup> dan amalan fiqh Mazhab Syafie. Rujukan karya fiqh Melayu klasik menitik beratkan elemen integriti dalam memastikan proses peniruan tidak dilakukan dengan memetik data dan sumber lain tanpa mengakuinya. Dalam struktur penulisan, pengarang secara jelas menyatakan sumber rujukan<sup>142</sup> dan pengambilan rujukan ideanya.<sup>143</sup> Bahkan dinyatakan penulisan adalah hasil terjemahan<sup>144</sup> kitab muktabar yang khusus. Kandungan terjemahannya bukan semberono dan pasif namun diadun dengan pandangan pengarang<sup>145</sup> berdasarkan kaedah pendalilan dan rujukan yang muktamad dalam mazhab.

Bagi pengkaji, kualiti penulisan fiqh Melayu bukan sahaja dinilai dari kandungan penulisan malah dari sumber rujukan. Rujukan sumber yang berautoriti akan meningkatkan merit karya penulisan. Selain itu, ia dapat meningkatkan keyakinan khalayak pembaca dengan setiap nukilan dan tukilan penulisan. Secara tidak langsung, ia membentuk integriti dan intelektualisme yang tinggi terhadap penulisan karya fiqh Melayu. Di samping itu, penulisan karya fiqh Melayu tidak merujuk secara langsung kepada karya induk Imam Syafie seperti karya *al-Umm* atau karya *al-Risalah*. Hampir keseluruhan penulisan karya fiqh Melayu klasik merujuk kitab fiqh Mazhab Syafie yang masyhur melalui jalur *Minhaj al-Talibin*<sup>146</sup> karya Imam Nawawi, *Fath al-Wahhab*<sup>147</sup> karya Imam Zakariyya al-Ansari dan

<sup>140</sup> Saadan Man et al., “Kesesuaian Pemikiran dan Amalan Mazhab selain Syafie dalam Masyarakat Islam di Malaysia: Satu Analisis Awal,” *Jurnal Fiqh* 6 (2009), 21-40.

<sup>141</sup> Muhammad Ayman al-Akiti dan Zainul Abidin Abdul Halim, “Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam Konteks Alam Melayu” (makalah, Seminar Kebangsaan Asyairah Ahli Sunah Wal Jamaah 3.0 Melestarikan Warisan Pemikiran Salaf dalam Masyarakat Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2019), 2-20.

<sup>142</sup> *Sabil al-Muhtadin li Tafaqquh fi Amr al-Din* MS 555.; *Safinah al-Hukkam fi Talkhis al-Khisam* MSS 3534, 2; *Nahj al-Raghibin* MSS 332, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur; Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, *Nahj al-Raghibin Wa-Subul al-Muttaqin* (Maktabah wa-Matba'ah Muhammad al-Nahdi wa-Awladuhu, 1935, t.tp).

<sup>143</sup> *Idah al-Albab* MSS 123,” 1.

<sup>144</sup> *Jawahir al-Saniyyah fi Sharh al-Aqa'id al-'Aliyyah wa Ahkam al-Fiqh al-Mardiyyah wa Tariq al-Suluk al-Muhammadiyah* MS 557, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.

<sup>145</sup> *Nahj al-Raghibin* MSS 332.”; Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, *Nahj al-Raghibin wa-Subul al-Muttaqin* (Maktabah wa-Matba'ah Muhammad al-Nahdi wa-Awladuhu, 1935, t.tp).

<sup>146</sup> al-Imam Abi Zakariyya Mahyu al-Din bin Sharf al-Nawawi, *Minhaj al-Talibin* (Lubnan: Dar al-Minhaj, cet. 1, 2005).

<sup>147</sup> al-Imam Abi Yahya Zakariyya al-Ansari, *Fath al-Wahhab* (1988, t.tp, t.p); al-Imam Abi Yahya Zakariyya al-Ansari, *Fath al-Wahhab* (Bangkok: Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Nahri wa Awladuhu, t.t)

*Tuhfah al-Muhtaj*<sup>148</sup> karya Ibn Hajar al-Haytami.<sup>149</sup> Ini dapat diketahui melalui kenyataan pengarang secara langsung merujuk kepada kitab-kitab muktabar tersebut.<sup>150</sup>

## FUQAHA MELAYU SEBAGAI INTELEKTUAL UMMAH

Secara umumnya, jika diteliti fuqaha Melayu adalah golongan dan kumpulan intelektual yang mempunyai ilmu pengetahuan.<sup>151</sup> Secara spesifiknya, fuqaha Melayu merupakan golongan yang memiliki disiplin ilmu tentang fiqh dan ilmu agama yang bersumberkan al-Qur'an dan al-Sunnah. Dengan penguasaan ilmu ini menjadikan fuqaha Melayu mampu menulis dengan pelbagai pendekatan bentuk penulisan dan menjelaskan pelbagai masalah yang timbul dengan dalil yang berasaskan kepada pengetahuan dan ketepatan yang dipertanggungjawabkan. Walau bagaimanapun, pengetahuan yang mereka miliki dalam ilmu agama menjadi teras utama untuk menamakan mereka sebagai fuqaha.<sup>152</sup> Jika merujuk kepada sejarah perkembangan Islam di Alam Melayu kita boleh melihat bagaimana fuqaha Melayu bertindak sebagai intelektual ummah, kerana sebelum kedatangan kuasa penjajah barat masyarakat Alam Melayu telah mempunyai tamadun material dan intelektual yang tinggi dan cemerlang.<sup>153</sup> Mereka menyemai budaya ilmu ke dalam masyarakat Melayu yang mampu melahirkan manusia Melayu celik ilmu agama serta mampu bertindak mengikut pengetahuan ilmunya serta menyebarkannya ke dalam masyarakat dan berfungsi sebagai pemimpin masyarakat.<sup>154</sup>

## KESIMPULAN

Hasil fakta yang dibentangkan, dapat dirumuskan penulisan karya fiqh Melayu tiga abad awal berjaya mengemukakan perbincangan fiqh yang terperinci mengikut latar konteks zamannya. Selain itu, hanya tulisan ilmu fiqh dan usul ditulis dalam karya fiqh Melayu abad ke-17 hingga ke-19 tanpa huraian. Kesemua perbincangan disiplin ilmu dalam karya fiqh ditulis secara peringkat berperingkat bagi memudahkan kefahaman masyarakat Melayu. Meskipun, tiada perbincangan secara khusus namun elemen penulisan intelektual tetap berlegar dalam pemikiran fuqaha Melayu. Hasil pengesanan, kandungan penulisan intelektual yang kritis dan kritikal dalam pengajian fiqh seperti *Qawaid Fiqh*, asas usul fiqh, kaedah fiqhyyah, qias, mustalah hadis, fatwa, syarat mufti dan perbincangan tauhid, sirah dan nasihat agama adalah perbincangan dalam penulisan fiqh. Ini membuktikan keunikan penulisan karya fiqh Melayu dalam tiga abad awal. Meskipun, terdapat dakwaan penulisan karya fiqh Melayu berupa karya terjemahan<sup>155</sup> dan kurang bermutu namun penulisan

---

<sup>148</sup> Muhammad bin Ahmad Ibn Hajar al-Haytami, *Tuhfah al-Muhtaj* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2001).

<sup>149</sup> Data-data diambil dari penelitian terhadap 22 karya fiqh Melayu masyhur yang terpilih: Ismail Hamid, "Sastera Kitab" dalam *Kesusasteraan Melayu Tradisional* ed. Zalila Sharif dan Jamaliah Ahmad (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993).

<sup>150</sup> *Nahj al-Raghibin* MSS 332, 1-3; Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, *Nahj al-Raghibin wa-Subul al-Muttaqin* (Maktabah wa-Matba'ah Muhammad al-Nahdi wa-Awladuhu, 1935, t.tp).

<sup>151</sup> Lihat Rohi Baalbaki, "*al-Mawrid*," 745.

<sup>152</sup> Shukri Ahmad, "*Pengaruh Pemikiran*," 11.

<sup>153</sup> Hashim Musa, "*Merekonstruksi Tamadun*," 27- 40.

<sup>154</sup> Shafie Abu Bakar, Keilmuan Islam dan Tradisi Pengajian Pondok, dalam *Budi Kencana* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1994), 112-116.

<sup>155</sup> Bentuk penulisan terjemahan kebanyakannya dinyatakan dengan jelas oleh pengarang karya fiqh Melayu. Ini dapat dilihat dalam kebanyakan karya agama Melayu yang dihasilkan abad ke-17 hingga awal abad ke-20M. Kebanyakan karya agama Jawi merupakan terjemahan atau penyesuaian dari karya-karya Arab, disertai dengan ciri-ciri tempatan; [https://www.pnm.gov.my/manuskrip/melayu/03\\_koleksi/305\\_kitabagama.htm](https://www.pnm.gov.my/manuskrip/melayu/03_koleksi/305_kitabagama.htm).

intelektual masih dapat dikesan walaupun ditulis secara ringkas. Dengan kata lain, pemikiran yang dicetuskan oleh pengarang fiqh Melayu kadang kala begitu maju ke hadapan mengatasi pola pemikiran umat Islam dengan idea-idea yang diketengahkan selari dengan penulisan fuqaha klasik.

## RUJUKAN

- Abdul Kadir Muhammad, *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1996.
- Abdul Rahman Abdullah, *Pemikiran Umat Islam di Nusantara: Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad Ke-19*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
- Abu Ghuddah Abdul Sattar, *Buhus Fi al-Fiqh al-Tibb Wa al-Sihhat al-Nafsiyyah Min al-Manzur Islamiyy* (Beirut: Dar al-Aqsa, 1992).
- al-Imam Abu ‘Amru ‘Uthman bin Abdul Rahman al-Syahrzuri, *‘Ulum al-Hadis li Ibn Salah* (Beirut: Dar al-Fikr, t.t).
- Fath al-Manan* MSS 21, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur, 3.
- Fath al-Manan*, MSS 21,” 3.
- Fauzi bin Deraman dan Norhasnira bt Ibrahim, “Metodologi Tuan Tabal dalam Kitab Minhah al-Qarib,” *Jurnal Jaheaik* vol. 2 (2009), 135.
- Ghayah al-Taqrif* MSS 3980, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.
- Hujah al-Balighah ‘ala Jama’ah al-Mukhasamah* MSS 3575, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur, 4.
- Irwan Mohd Subri, *Sejarah Perundangan Islam Aliran al-Hadith dan Aliran al-Ra’y dalam Fiqh* (Negeri Sembilan: Kolej Universiti Islam Malaysia, 2006), 98.
- Ahmad Hassan, “al-Shafi’i Role in the Development of Islamic Jurisprudence,” *Islamic Studies*, vol. v, (1996), 239-273.
- Jalal al-Din Abd al-Rahman bin Abi Bakr al-Suyutiy, *Tadrib al-Rawi fi Sharh Taqrif al-Nawawiy* (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, j. 1, cet. 3, 2002), 5-6.
- Jawahir al-Saniyyah fi Syarh al-Aqa’id al-‘Aliyyah wa Ahkam al-Fiqh al-Mardiyyah wa Tariq al-Suluk al-Muhammadiyah* MSS 127.”
- Kamus Dewan, ed. ke 4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), 802 entri kodifikasi.
- al-Imam Abu Hamid al-Ghazali, *al-Mustafa min ‘Ilmi al-Usul* (Lubnan: Dar al-Kutub Muhammad Umar, 2008); lihat Amin al-Jarumi, *Usul fiqh Prinsip-Prinsip Perundangan Islam* (Shah Alam: Pusat Penerbitan Univesiti, 2010).
- M.B. Hooker, “The Translation Of Islam Into South-East Asia,” dalam *Readings On Islam In Southeast Asia* (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1985), 11.
- Mahmood Zuhdi Ab. Majid, *Fiqh Malaysia: Konsep dan Cabaran*, dalam *Fiqh Malaysia ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan yang Terkini* ed. Paizah Hj. Ismail et. al., (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malays, 2000), 4.
- Maryam Mohd Saleh Zafiri, *Mustalahat al-Madhhab al-Fiqhiyyah Wa Asrar al-Fiqh al-Marmuz fi al-‘Ilam Wa al-Kutub Wa al-Ara’ Wa al-Tarjihah* (Beirut: Dar Ibn Hazm, 2002), 221-255.
- Ibn Faris al-Qazwini, Ahmad dan Abd al Salam Muhammad Harun. *Mu`jam Maqayis al-lughah* (Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi, ed. kedua, 1969).
- Wahbah al-Zuhayli, *Usul al-Fiqh al-Islami* (Damsyik: Dar al-Fikr, j. 2, cet. ke-2, 1998).
- Ali bin Muhammad al-Jurjani, *al-Ta`rifat* (Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi, 1405), 193.

- Mir'ah al-Tullab fi Tashil al-Ma'rifah al-Ahkam wa al-Syari'ah li al-Mulk al-Wahhab* MSS 2674, Pusat Manuskrip Negara, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur, 225.
- Nazar Bakry, *Fiqh dan Ushul Fiqh* (Jakarta: Rajawali Pers, 1993), 23.
- Qutb Muṣṭafā Sanu, Mu'jam Muṣṭalahāt 'Usūl al-Fiqh, (Damshiq: Dar al-Fikr, 2000), 9.*
- Rahim Abdullah, "Pelajaran Pondok di Kelantan" dalam *Beberapa Aspek Warisan Kelantan* II ed. Khoo Kay Kim (Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri, 1983), 3.
- Sobhi Rajab Mahmassani, *Falsafah Perundangan Islam terj. Mufliha Wijayati* (Kuala Lumpur: al-Hidayah Publications, 2009), 133.
- Sullam al-Mubtadi fi M'arifah Tariq al-Muhtadi* (Patani: Matba'ah bin Halabi, t.t).
- Surat Persendirian Syeikh Tahir, Jawapan Kepada Soalan-Soalan Agama, No Ruj: 2006/0036421, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Motalib al-Mandili, *Tuhfah al-Qari' al-Muslim al-Mukhtarah mimma Ittafaqa 'Alaih al-Bukhari wa al-Muslim* (Kaherah: Matba'ah Hijaziyah, 1951).
- Syeikh Abū 'Amr 'Uthmān ibn 'Abdul Raḥmān Ṣalāḥ al-Dīn al-Kurdī al-Shahrazūrī, *Adab al-Mufti wa al-Mustafti* (Maktabah Ulum wa al-Hukm, cet. 1, 1986, t.tp).
- Syeikh Zainul Abidin bin Muhammad al-Fatani, *Kasyf al-Litham 'An As-Ilah al-Anam* (Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Bahri wa Auladuhu, juzuk 1, t.tp, tt).
- Syiekh Muhammad Idris bin Abdul Rauf al-Marbawi, *Bahr al-Madhi* (Mesir: Matba'ah Mustafa al-Halabi, 1933) Abdul Halim al-Hadi, *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* Bahasa Melayu (Pulau Pinang: Persama Press, t.t)
- Wan Zulkifli Wan Hassan, "Nilai-Nilai Fleksibiliti dalam Sumber Perundangan Islam," *Malim bil.* 10, (2009), 63.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri, *Istilah-Istilah Fiqah dan Usul: Empat Mazhab* (Subang Jaya: OMR Press Sdn. Bhd, c.2, 2013), 353-355.
- Mir'ah al-Tullab fi Tashil al-Ma'rifah al-Ahkam wa al-Syari'ah li al-Mulk al-Wahhab* MSS 2674," 235.
- Syeikh Zainul Abidin bin Muhammad al-Fatani, *Kasyf al-Litham 'An As-Ilah al-Anam* (Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Bahri wa Auladuhu, juzuk 1, t.tp, t.t), 3.
- Bahjah al-Mubtadin wa Farhah al-Mujtadin* (Pulau Pinang: Mathba'ah al-Mu'arif, t.t), 27.
- Syiekh Abdul Samad bin Muhammad Saleh al-Kelantani, *Minhah al-Qarib wa Mughni al-Raghibin fi al-Taqrīb* (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, Koleksi Nadir, 2006.), 7.